No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/3 (5)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 5 TAHUN 2011

PEMAKLUMAN PERUBAHAN GAJI BULANAN SECARA *ONLINE* BAGI STAF UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Pejabat Pendaftar
17 Mac 2011

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/3 (5) 17 MAC 2011

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL.5/2011

PEMAKLUMAN PERUBAHAN GAJI BULANAN SECARA *ONLINE* BAGI STAF UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai pelaksanaan Sub Modul ROC – Pemberitahuan Perubahan Gaji Bulanan secara *online* untuk digunakan oleh staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Komputer akan melaksanakan sub modul baru iaitu Sub Modul ROC – Pemberitahuan Perubahan Gaji Bulanan secara *online*. Sub modul ini dilaksanakan bertujuan untuk memudahkan proses pemberitahuan perubahan gaji bulanan kepada staf UTeM daripada secara manual (surat) kepada secara paparan *online*. Penggunaan sub modul ini secara langsung akan menjimatkan masa penyediaan dan kos penghantaran surat, penggunaan kertas dan memberikan maklumat yang tepat dan terkini. Secara keseluruhannya, penggunaan sub modul ini akan memberikan impak positif kearah pengurusan dan perkhidmatan yang lebih efektif dan efisyen sejajar dengan dasar-dasar kerajaan dan universiti yang menggalakkan penggunaan ICT secara menyeluruh.

2.2 Sub Modul ROC – Pemberitahuan Perubahan Gaji Bulanan secara *online* adalah proses di mana staf akan mendapat maklumat tentang perubahan gaji bulanan secara terus melalui portal UTeM tanpa menerima surat secara manual. Staf yang mempunyai perubahan gaji bulanan pada bulan tersebut akan menerima emel pemberitahuan perubahan gaji dan maklumat perubahan tersebut akan dipaparkan secara terus di portal UTeM (individu) melalui Sub Modul ROC - Perubahan Gaji Bulanan.

2.3 Sub Modul ROC - Perubahan Gaji Bulanan dibangunkan dalam dua (2) aplikasi iaitu aplikasi klien (SMSM) dan aplikasi web (Portal) seperti berikut:

	APLIKASI KLIEN (SMSM)	APLIKASI WEB (PORTAL)
PENGGUNAAN	Digunakan oleh Unit Pengurusan Perkhidmatan & Saraan untuk memilih ROC yang perlu dibuat pemberitahuan kepada staf.	Digunakan oleh semua staf bagi tujuan mendapatkan maklumat secara terperinci berkaitan perubahan gaji bulanan setelah menerima emel pemberitahuan.

2.4 Disertakan carta alir dan Manual Sub Modul ROC - Pemberitahuan Perubahan Gaji Bulanan untuk tatacara penggunaan. Sila rujuk **Lampiran.**

2.4.1 Carta Alir Prosedur Pemakluman Perubahan Gaji Bulanan secara *Online; dan*

2.4.2 Manual Sub Modul ROC - Perubahan Gaji Bulanan.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Edaran Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,

HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
/ukp

CARTA ALIR PROSEDUR PEMAKLUMAN PERUBAHAN GAJI BULANAN SECARA ONLINE



Mula

Penyata Perubahan Pendapatan (ROC) disediakan oleh staf BPSM

Penyata Perubahan (ROC) disemak dan disahkan oleh Pegawai Unit BPP&S, BPSM

Data Penyata Perubahan (ROC) akan dihantar secara terus ke eRP untuk rekod dan Pejabat Bendahari secara *hard copy* untuk proses pembayaran gaji

Pegawai Unit PP&S pilih ROC yang perlu dibuat pemberitahuan kepada staf cth ROC bayaran balik, tunggakkan emolumen, Pergerakan Gaji Tahunan dan bonus.

Staf akan mendapat email pemberitahuan sekiranya pada bulan tersebut ada ROC yang berkaitan

Staf masuk ke Portal UTeM masing-masing untuk melihat perubahan secara terperinci pada bila-bila masa. Tatacara penggunaan adalah seperti manual yang dilampirkan

Tamat

Nota :

1. Surat pemberitahuan maklumat penyata perubahan pendapatan secara manual tidak lagi dikeluarkan kepada individu

UTeM

SISTEM MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (SMSM)

SUB MODUL PERUBAHAN GAJI BULANAN

PENERANGAN

Sub Modul Perubahan Gaji Bulanan adalah merupakan proses di mana staf akan mendapat maklumat tentang perubahan gaji secara terus melalui portal UTeM tanpa menerima surat secara manual seperti yang diterima sebelum submodul ini dilancarkan. Staf yang mempunyai perubahan gaji pada bulan tersebut akan menerima email pemberitahuan dan seterusnya staf boleh menyemak maklumat perubahan gaji tersebut di portal staf itu sendiri pada bila-bila masa.

MANUAL PENGGUNA

Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pengguna bagi mendapatkan maklumat perubahan gaji bulanan adalah:-

1. Staf menerima email pemberitahuan secara terus seperti contoh berikut.



2. Staf yang ingin melihat maklumat perubahan gaji perlu *log in* ke dalam portal UTeM masing-masing dan pilih submodul ROC – Perubahan Gaji Bulanan dan skrin berikut akan dipaparkan.



3. Staf hanya perlu *"double click"* pada senarai ROC untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan maklumat perubahan gaji tersebut.

Contoh 1: Tunggakan bayaran insentif kewangan



Contoh 2 : Pembayaran Bayaran Insentif Tugas Kewangan



4. Surat secara manual tidak lagi dikeluarkan kepada individu untuk tujuan pemberitahuan maklumat perubahan penyata pendapatan.

5. Tamat